

# Dakwah darah daging Imam Besar Masjid Putrajaya

## SELEBRITI AGAMA

Keluar masuk kawasan pedalaman meredah sungai dan hutan menggunakan pelbagai jenis pengangkutan termasuk bot ekspres dan sampan adalah antara pengalaman dakwah yang tidak dapat dilupakan Imam Besar Masjid Putra, Putrajaya, Datuk Abdul Manaf Mat sepanjang empat tahun berkhidmat di Sarawak.

Berkhidmat dengan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam (BAHEIS) cawangan Sarawak sekitar 1980-an, membawanya ke seluruh pelusuk negeri itu untuk menyampaikan dakwah dan menemui masyarakat Islam di kawasan terpencil.

"Kawasan pedalaman paling jauh yang pernah saya sampai adalah di Long Busang, di daerah Belaga, di mana untuk sampai ke sana mengambil masa beberapa hari menggunakan pelbagai jenis pengangkutan termasuk pesawat dan bot.

"Namun, hanya selepas dua kali percubaan barulah saya ke sana. Kali pertama menggunakan jalan sungai dari Sibu ke Kapit seterusnya ke Belaga. Tetapi tiba di Palagus kami terpaksa berpatah balik ke Batu Keling kerana kehabisan minyak dan wang. Di sana, banyak jeram atau 'wong' yang menyebabkan banyak bot tersadai dan karam," katanya.

Katanya, kali kedua barulah beliau berjaya sampai di Long Busang menggunakan laluan ke Bakun yang ketika itu dalam proses untuk pembinaan empangan. Itu pun memakan masa tiga hari untuk ke Bakun dan tiga jam menaiki bot dari Kapit sebelum tiba ke Batang Boleh.

Kemudian, mereka menyewa pacuan empat roda milik syarikat balak dengan harga RM700 sehari untuk sampai ke Long Busang menggunakan laluan balak. Masyarakat Islam di Long Busang ramai hasil daripada usaha Yang di-Pertua Negeri Sarawak sebelum ini Allahyarham Tun Abdul Rahman Ya'kub yang pernah ke sana mengislamkan penduduk tempatan.

Menurut Abdul Manaf, kerja dakwah di Sarawak amat menyeronokkan kerana lazimnya mereka akan masuk kampung selama tiga hari mengadakan pelbagai aktiviti, termasuk ceramah sementara pada Ramadan diadakan aktiviti berbuka puasa beramai-ramai.



"Ada juga penduduk bukan Islam turut serta dalam program yang kami anjurkan untuk masyarakat Islam di sana. Ketika perayaan Hari Gawai pula, kami bersama penduduk Islam menyambutnya dengan majlis tahlil," katanya.

### Raih pengalaman kendali jenazah MH17

Pengalaman mengetuai pasukan mengendalikan jenazah mangsa pesawat Malaysia Airlines MH17 yang ditembak jatuh di Ukraine dua tahun lalu antara kenangan yang tidak dapat dilupakan sepanjang hayatnya.

Katanya, banyak ilmu serta pengalaman yang ditimba sepanjang 44 hari mengendalikan urusan jenazah mangsa pesawat malang itu. Ada beberapa keadaan, mereka terpaksa membuka kitab dan merujuk kepada beberapa fatwa yang pernah dikeluarkan negara Islam lain.

"Contohnya, ada keadaan di mana air tidak boleh sampai ke bahagian anggota badan atau jika digunakan air untuk mandi, jenazah akan bertambah lebih teruk, justeru Islam membenarkan kaedah bertayamum untuk

melengkapkan mandi jenazah," katanya yang mengetuai 14 pegawai dan kakitangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ke Kiev, Ukraine dan Amsterdam, Belanda.

Beliau berkata, antara cabaran ketika mengendalikan urusan jenazah mangsa MH17 adalah ketidaktentuan masa jenazah tiba dan bila boleh diuruskan. Beberapa kali mereka melakukan latihan simulasi terutama bagaimana untuk menguruskan cebisan daging mangsa.

### Beraya di masjid

Abdul Manaf memberitahu, sepanjang 30 tahun bergelar imam, beliau tidak berpeluang berhari raya pertama di rumah kerana bertugas mengimamkan solat hari raya di Masjid Negara dan Masjid Putra. Namun, tiada sedikit pun kesal dalam hatinya dan bersyukur kerana keluarganya memahami tugasnya.

Bukan itu saja, beliau pernah dihantar pihak Jabatan Perkhidmatan Awam ke seluruh Jepun selama sebulan Ramadan untuk mengimamkan solat Tarawih dan memberi tazkirah kepada

pelajar serta rakyat Malaysia di negara itu pada 1990-an.

Menjadi imam, katanya, bukan hanya mengetuai solat jemaah tetapi juga bertindak sebagai kaunselor tidak formal kerana orang ramai berjumpa dengannya untuk menceritakan masalah masing-masing, termasuk rumah tangga dan kehidupan mereka.

"Ketika bertugas di Masjid Negara saban hari ada sahaja pengunjung yang datang untuk menceritakan masalah mereka tidak kurang juga yang datang meminta membuatkan air penawar. Sampai ada suatu ketika, seorang imam, Ustaz Abdul Rahman ditugaskan menyediakan air penawar bagi mereka yang mahu.

"Ada yang datang jauh dari utara negara menaiki kereta api mahu berjumpa imam untuk mengambil air penawar kerana ketika itu hanya Masjid Negara yang muncul dalam siaran langsung solat Jumaat," katanya.

Mendirikan rumah tangga dengan Rosnah Hassan, 49, pasangan itu dikurniakan tujuh cahaya mata berusia antara 16 hingga 25 tahun.



**Mona Ahmad**  
mona@bh.com.my

## Profil



### Pendidikan

- Pondok Hutan Palas Kepelu, Kodiang, Kedah.
- Maktab Mahmud Alor Setar, Kedah.
- Kolej Islam Klang (kini dikenali sebagai Kolej Islam Sultan Alam Shah).
- Sarjana Muda Usuluddin dan Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

### Perkhidmatan:

- Guru agama sandaran di beberapa sekolah di Lembah Klang.
- Pegawai Hal Ehwal Islam (Penolong Pengarah Penyelidikan Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS)).
- Penolong Pengarah Dakwah di Institut Dakwah Islam Malaysia (INDAH).
- Imam Masjid Negara selama lapan tahun.
- Imam Masjid Putra sejak 1999 hingga kini.